

15 DEC 2001

ARTIS ANAK-ANAK KEDAH RAIKAN AIDILFITRI DI MENARA TELEKOM

ALOR SETAR, 15 Dis (Bernama) -- Beberapa orang artis terkenal yang berasal dari negeri Kedah akan meraikan majlis Aidilfitri pada Hari Raya ketiga di Menara Telekom di sini.

Eksekutif Pemasaran Menara Telekom Mahathir Ahmad hari ini berkata, majlis yang dinamakan Aidilfitri Bersama Artis Anak-Anak Kedah akan diserikan dengan persembahan tarian, nyanyian dan lawak jenaka.

Antara artis yang akan hadir ialah Mazlan Pet Pet, Izat Exits, Asheed Defgabc, Buyung dan Frenkuansi.

Majlis itu dianjurkan bersama dengan pihak pengurusan Menara Telekom dan Pusat Muzik Sze Chan

Orang ramai dijemput meraikan majlis itu pada pukul 8.30 malam Hari Raya ketiga.

-- BERNAMA

MNH PR